



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN STRATEGIK
“TRANSLATIONAL RESEARCH”
(Tahun 2020)**

**Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
No. Tel: 03-8870 6969
No. Faks: 03-8870 6867**

KANDUNGAN
GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN STRATEGIK
“TRANSLATIONAL RESEARCH”

1.	VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL 3
2.	BAHAGIAN 1 (PENGENALAN) 4
3.	BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
	Syarat Am Permohonan 5
	Skop Penyelidikan 7
	Tempoh Penyelidikan 7
	Siling Peruntukan 8
	Hasil Penyelidikan 8
	Peraturan Permohonan 9
4.	BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
	Penilaian Permohonan 10
	Kriteria Penilaian 10
5.	BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
	Pelaksanaan Penyelidikan 11
	Pemantauan Projek 11
6.	BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
	Kod Perbelanjaan 14
	Penggunaan Peruntukan 16
7.	BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
	Makluman Keputusan dan Pengagihan Peruntukan 17
	Dokumen dan Ikatan Perjanjian 17
8.	CARTA ALIR 19
9.	LAMPIRAN 21

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara.

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik.

Penyelidikan Strategik – “Translational Research @ MoHE” (TR@M)
merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan output dan “outcome”
berimpak kepada kerajaan, komuniti, industri dan akademia.

BAHAGIAN 1 – PENGENALAN

1.1. FALSAFAH

Kementerian Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem inovasi yang memerlukan perkongsian kerjasama yang menggabungkan lingkaran empat pihak (quadruple helix) yang terdiri daripada akademik, industri, kerajaan dan komuniti. Kerjasama ini diharap dapat mempercepatkan pengkomersilan idea yang memenuhi kehendak pasaran semasa.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), program Penyelidikan Strategik “Translational Research” merupakan antara inisiatif di bawah Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi yang dilihat dapat membangunkan ekosistem inovasi dalam bidang strategik yang kritikal bagi pertumbuhan ekonomi negara.

1.2. TUJUAN

Skim Geran Penyelidikan Strategik – “Translational Research @ MoHE” (TR@M) merupakan skim geran yang memfokuskan kepada penyelidikan yang dapat menghasilkan output dan “outcome” berimpak kepada kerajaan, komuniti, industri dan akademik. Melalui skim geran penyelidikan ini juga, ia mampu untuk mengetengahkan dan menghebahkan kepentingan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang banyak memberikan impak besar kepada pihak-pihak berkepentingan dalam konteks “quadruple helix”.

Kementerian juga akan memberikan tumpuan pada beberapa bidang keutamaan untuk difokuskan selaras dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

BAHAGIAN 2 – PERMOHONAN

2.1. SYARAT AM PERMOHONAN

2.1.1. JPT menawarkan geran ini berdasarkan pada keperluan pemegang taruh (stakeholder) bagi memenuhi aspirasi dan agenda penyelidikan negara. Geran ini **terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Ketua Penyelidik mestilah warganegara Malaysia;
- (b) Kakitangan akademik bertaraf tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah) dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap daripada IPT yang sama;
- (c) Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (luar dan dalam negara yang melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan, tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut;
- (d) Ketua Penyelidik mestilah pernah menerima mana-mana geran penyelidikan kompetitif peringkat nasional atau antarabangsa yang berkaitan serta berjaya melaksanakan projek tersebut dan menghasilkan penemuan yang boleh diketengahkan untuk manfaat komuniti, industri, Institusi dan Kerajaan (berkonsepkan “quadruple helix”);
- (e) Ketua Penyelidik hanya dibenarkan mengemukakan satu permohonan projek sahaja pada setiap fasa. Projek terdahulu perlu selesai sepenuhnya dan mendapat perakuan RMC serta telah selesai membentangkan Laporan Akhir kepada Jawatankuasa Penilaian di JPT, sebelum mengemukakan permohonan baharu.

2.1.2. Setiap permohonan projek mestilah **memenuhi salah satu bidang** yang telah ditetapkan **berdasarkan Sektor Keutamaan Negara, Kluster Penyelidikan dan Domain Penyelidikan** seperti berikut:

(a) **Sektor Keutamaan Negara (National Priority Area – NPA)**

- Jaminan Makanan (Food Security);
- Jaminan Tenaga (Energy Security);
- Tanaman Perladangan (Plantation Crops);
- Keselamatan Siber* (Cyber Security);
- Jaminan Air (Water Security);
- Kepelbagaian Bio (Biodiversity);
- Penjagaan Kesihatan dan Perubatan (Healthcare and Medicine);
- Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Environment and Climate Change); atau
- Pengangkutan dan Mobiliti (Transportation and Mobility).

* Nota: Bidang Keutamaan merangkumi Industrial Revolution (IR) 4.0 (Cyber Security, Big Data, Artificial Intelligence) yang merujuk kepada “National Policy on Industry 4.0”.

(b) **Kluster Penyelidikan**

- Jaminan dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security);
- Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure);
- Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment);
- Kesihatan (Health);
- Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (Education & Knowledgeable Civil Society);
- Keselamatan Negara (National Security);
- Kesejahteraan Sosial & Ekonomi (Social & Economic Wellbeing); atau
- Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing)

(c) **Domain Penyelidikan**

- Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);
- Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);
- Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);
- Sains Sosial (Social Sciences);
- Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);
- Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage); atau
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology).

2.2. SKOP PENYELIDIKAN

2.2.1. Kertas cadangan penyelidikan (proposal) mestilah **memenuhi skop penyelidikan** seperti berikut:

- (a) Penyelidikan yang mempunyai serahan hasil penyelidikan “research deliverables” (dari penyelidikan FRGS, TRGS, LRGS dll. yang berkaitan) yang berpotensi dan sedia untuk diterjemahkan dalam tempoh masa yang singkat untuk manfaat pihak berkepentingan dalam konteks “quadruple helix”;
- (b) Penyelidikan yang merangkumi sekurang-kurangnya 70% elemen penyelidikan gunaan (applied) dan 30% elemen penyelidikan fundamental;
- (c) Penyelidikan berasaskan “demand driven”, “purpose driven” ataupun “value driven”; dan
- (d) Pendekatan pelaksanaan secara holistik yang memenuhi proses dalam rantai nilai (value chain).

2.3. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan tidak melebihi dua (2) tahun**.

2.4. SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah **tidak melebihi siling yang ditetapkan berjumlah RM2 juta** (berpadanan dengan skop penyelidikan yang akan dilaksanakan). Penetapan siling peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT.

2.5. HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1. Serahan Hasil Penyelidikan (Research Deliverables)

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan serahan hasil penyelidikan “research deliverables” yang berpotensi untuk diterjemahkan dan dimanfaatkan dalam konteks “quadruple helix” tertakluk pada objektif dan skop pelaksanaan projek penyelidikan.

2.5.2. Bakat

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Penghasilan bakat adalah seperti berikut:

- (a) Projek kurang daripada enam (6) bulan:
 - Menghasilkan sekurang-kurangnya **seorang pembantu penyelidik (research assistant – RA)**

- (b) Projek melebihi enam (6) bulan:
 - Menghasilkan sekurang-kurangnya **seorang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.**

Penghasilan bakat hendaklah berpadanan dengan skop penyelidikan dan juga peruntukan kewangan yang diluluskan.

2.5.3. Penerbitan

Setiap projek penyelidikan disyaratkan untuk menghasilkan penerbitan dalam pelbagai saluran seperti artikel dalam jurnal, majalah, buku, kertas pernyataan pendirian (position paper) dan sebagainya. Penghargaan

kepada geran JPT mestilah dinyatakan secara jelas dalam setiap penerbitan.

Impak pelaksanaan projek hendaklah selari dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) serta perlu dibuat hebahan dan promosi melalui media massa dan media sosial.

2.5.4. Harta Intelek

Penyelidik adalah digalakkan untuk membuat permohonan pendaftaran harta intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta intelek yang dihasilkan melalui geran penyelidikan ini menjadi hak milik Kerajaan Malaysia dan IPT.

2.5.5. Hasil Pengkomersilan

Hasil pengkomersilan daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan ini dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut tertakluk pada polisi pengkomersilan/prosedur/klausula kontrak yang telah dipersetujui oleh IPT.

2.6. PERATURAN PERMOHONAN

2.6.1. Setiap permohonan perlu menggunakan format yang ditetapkan oleh JPT dan hendaklah dinilai di peringkat IPT masing-masing sebelum dikemukakan kepada JPT untuk kelulusan. Carta Alir Permohonan Projek Penyelidikan adalah seperti di Rajah 1 (Sila rujuk Lampiran).

2.6.2. Penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi daripada sumber lain bagi projek penyelidikan tersebut.

BAHAGIAN 3 - PENILAIAN

3.1. PENILAIAN PERMOHONAN

3.1.1. Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

3.1.2. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.

3.2. KRITERIA PENILAIAN

3.2.1. Penilaian permohonan mestilah memenuhi skop penyelidikan yang telah ditetapkan oleh JPT seperti berikut:

- (a) Penyelidikan yang berpotensi untuk menghasilkan serahan hasil penyelidikan (research deliverables) dalam tempoh masa yang singkat untuk sedia diserahkan kepada pihak berkepentingan dalam konteks “quadruple helix”;
- (b) Penyelidikan yang telah menghasilkan penemuan baharu (seperti teori, konsep dan idea) melalui penyelidikan fundamental terdahulu; atau
- (c) Penyelidikan yang merangkumi sekurang-kurangnya 70% elemen penyelidikan gunaan (applied) dan 30% elemen penyelidikan fundamental;
- (e) Penyelidikan berasaskan “demand driven”, “purpose driven” ataupun “value driven”; dan
- (f) Pendekatan pelaksanaan secara holistik yang memenuhi proses dalam rangkaian nilai (value chain).

BAHAGIAN 4 – PEMANTAUAN

4.1. PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

4.1.1. Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan bermula daripada tarikh yang ditetapkan oleh JPT. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang telah diluluskan. IPT dan penyelidik perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini serta lain-lain ketetapan daripada JPT.

4.1.2. IPT dan penyelidik juga perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (proposal) mematuhi garis panduan dan tadbir urus yang telah ditetapkan.

4.2. PEMANTAUAN PROJEK

Pemantauan projek penyelidikan perlu mematuhi kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC IPT masing-masing. Carta Alir Pemantauan Projek Penyelidikan adalah seperti di Rajah 2 (Sila rujuk Lampiran).

4.2.1. Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Pemantauan akan dilaksanakan secara berkala seperti di Rajah 3 dan Rajah 4 (Sila rujuk Lampiran) seperti berikut:

- (a) Pemantauan bagi setiap enam (6) bulan untuk projek yang melebihi satu (1) tahun, atau
- (b) Pemantauan bagi setiap empat (4) bulan untuk projek yang kurang satu (1) tahun.

4.2.2. Pemantauan Tidak Berjadual

- (a) Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan oleh JPT seperti berikut:
 - Lawatan tapak dan pengauditan; dan
 - Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditetapkan oleh JPT.
- (b) JPT juga berhak memanggil pihak IPT untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian (seperti pembentangan).

4.2.3. Laporan Prestasi dan Projek

- (a) Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan bagi projek melebihi satu (1) tahun adalah pada setiap Februari dan Ogos:
 - Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
 - Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.
- (b) Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan bagi projek kurang daripada satu (1) tahun adalah pada setiap Februari, Jun dan Oktober:
 - Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemas kini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum;
 - Pelaporan pada bulan Jun perlu dikemas kini mengikut pencapaian sehingga April pada tahun yang sama; dan
 - Pelaporan pada bulan Oktober perlu dikemas kini mengikut pencapaian sehingga Ogos pada tahun yang sama.

(c) Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Borang Laporan Prestasi Projek dan Kewangan;
- Hasil Penyelidikan (bakat, penerbitan dan lain-lain hasil penyelidikan perlu disertakan bukti dokumen);
- Penyata Kewangan yang disahkan oleh Bendahari IPT.

4.2.4. Laporan Akhir

(a) Ketua Penyelidik perlu menghantar laporan akhir dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh ditamatkan projek.

(b) Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Borang Laporan Akhir;
- Profil Penyelidikan (5 muka surat);
- Hasil Penyelidikan (bakat, penerbitan dan lain-lain hasil perlu disertakan bukti dokumen);
- Penyata Kewangan yang disahkan oleh Bendahari IPT;
- Infografik hasil penyelidikan;
- Video berdurasi 2 hingga 3 minit yang berkonsepkan “Research and Innovation for Society and Enterprise” (RISE@UNI) mengikut format yang ditetapkan oleh JPT.

Nota: Profil penyelidikan perlu dikemukakan bersekali dengan lampiran senarai nama individu dan peringkat pengajian, senarai penerbitan beserta kertas artikel lengkap, bukti pemfailan harta intelek dan lain-lain. Jumlah bilangan muka surat lampiran ini tidak termasuk bilangan muka surat profil laporan akhir.

(c) Semua laporan dan hasil penyelidikan mestilah berdasarkan kepada projek penyelidikan yang diluluskan sahaja.

BAHAGIAN 5 – PERATURAN KEWANGAN

5.1. KOD PERBELANJAAN

Peruntukan TR@M adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1. **Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)**

- (a) Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) dengan siling peruntukan tidak melebihi RM1,800/bulan untuk pelajar Sarjana; atau
- (b) Elaun bagi Pembantu Penyelidik (Research Assistant – RA) yang bukan berstatus pelajar mestilah tidak melebihi siling peruntukan RM1,500/bulan dalam tempoh penyelidikan (sekiranya output bakat yang ditetapkan adalah RA).

5.1.2. **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

- (a) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik dan antarabangsa yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- (b) Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan untuk aktiviti yang melibatkan kerja lapangan sahaja;
- (c) Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi;

5.1.3. **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Namun, sewaan ruang pejabat, komputer dan perabot tidak dibenarkan.

5.1.4. Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

5.1.5. Vot 28000 – Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan tersebut tidak akan ditanggung lagi oleh geran penyelidikan ini.

5.1.6. Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- (a) Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.7. Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

- (a) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan Malaysia; dan
- (b) Jumlah yang dipohon bagi vot ini mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.2. PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 5.2.1. Penyelidik adalah tidak dibenarkan untuk membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti *workstation*, laptop, iPad, telefon bimbit, mesin pencetak, toner, alat tulis serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 5.2.2. Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6 – KEPUTUSAN

6.1. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 6.1.1. Surat kelulusan projek penyelidikan akan dimaklumkan kepada Naib Canselor IPT dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), IPT.
- 6.1.2. Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari IPT setelah surat kelulusan projek TR@M dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- 6.1.3. Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

6.2. DOKUMEN DAN IKATAN PERJANJIAN

6.2.1. Dokumen Perjanjian


- Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dan IPT bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- Pihak IPT hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak IPT.
- Dua (2) salinan asal dokumen perjanjian mestilah dikemukakan kepada JPT.

6.2.2. Ikatan Perjanjian

- Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani antara IPT dan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.


- Pihak IPT hendaklah memastikan ikatan perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh JPT. Namun begitu, pihak IPT dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan IPT tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan JPT.
- Satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani mestilah dikemukakan kepada JPT.

CARTA ALIR



Rajah 1: Carta Alir Permohonan Projek Penyelidikan

CARTA ALIR



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan Projek Penyelidikan

LAMPIRAN

PEMANTAUAN BERJADUAL BAGI PROJEK MELEBIHI SATU (1) TAHUN

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1						Kitaran Pemantauan 2					
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jul – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)				Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Jun tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)			

Rajah 3: Jadual Kitaran bagi Pemantauan Berjadual Projek Melebihi Satu (1) Tahun

LAMPIRAN

PEMANTAUAN BERJADUAL BAGI PROJEK KURANG DARIPADA SATU (1) TAHUN

BULAN											
Kitaran Pemantauan 1				Kitaran Pemantauan 2				Kitaran Pemantauan 3			
Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Sept – Dis tahun sebelum dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)		Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Jan – Apr tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)		Penyediaan laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penghantaran laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	Penerimaan dan semakan laporan pemantauan (bagi pencapaian Mei – Ogos tahun semasa dan pencapaian kumulatif dari tarikh mula projek)	

Rajah 4: Jadual Kitaran bagi Pemantauan Berjadual Projek Kurang Daripada Satu (1) Tahun

CATATAN



**BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**